

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 20 DISEMBER 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 32

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1133-L1457
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kaedah yang wajar diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu jerebu biarpun Indonesia sering kali meminta maaf dan telah pun menandatangani perjanjian menangani jerebu, kerana ia berkaitan dengan isu penempatan dan kaedah pertanian rakyat negara tersebut yang mungkin akan terjejas pendapatan sekiranya cara ini tidak digunakan lagi, apakah komitmen Indonesia boleh dipakai.
2. PN-1133-L1417
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang masih belum boleh bertutur dalam bahasa Malaysia dengan baik dan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan semua rakyat Malaysia mesti fasih bertutur dalam bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa rasmi negara dan bahasa nasional.
3. PN-1133-L1843
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bahawa Orang Kurang Upaya (OKU) adalah golongan insan istimewa. Golongan ini harus diberikan peluang dan pembelaan wajar. Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan kumpulan OKU ini tidak terpinggir ekoran pembangunan teknologi canggih masa kini serta pandangan umum ke atas mereka.
4. PN-1133-L1487
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung dengan Technology Park Malaysia dan jumlah keuntungan bagi tahun 2005/2006.

5. PN-1133-L1789
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kesan sama ada dari aspek ekonomi dan politik antarabangsa yang dialami oleh Kerajaan Malaysia akibat dari kenyataan dan kritikan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir, bekas Perdana Menteri Malaysia terhadap kepimpinan negara sekarang.
6. PN-1133-L1641
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah Perjanjian Perkapalan yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara luar. Apakah faedah perjanjian-perjanjian tersebut kepada negara.
7. PN-1133-L1481
Che Puan Sri Kelana D'raja(Dr) Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan :-
 - (a) bolehkah Kementerian menjelaskan mekanisme sesuatu permit dikeluarkan kepada artis luar negara yang ingin membuat konsert di negara ini; dan
 - (b) apakah langkah susulan yang telah diambil berikutan insiden konsert kumpulan Pussycat Dolls dari Amerika Syarikat yang berpakaian menjolok mata dan bertentangan dengan norma budaya timur rakyat Malaysia, baru-baru ini.
8. PN-1133-L1767
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan bahawa kontraktor-kontraktor kelas F yang diberikan projek-projek kecil di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tidak akan berdepan lagi dengan masalah pembayaran lewat oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan akibat kerenah birokrasi.
9. PN-1133-L1553
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan sehingga hari ini, selepas program pemutihan dilaksanakan, berapakah jumlah pendatang-pendatang asing yang telah dihantar pulang ke negara asal dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah digunakan dalam merealisasikan program ini.
10. PN-1133-L1566
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan wanita dari keturunan India yang memperoleh latihan 'Sutera Sari' Adakah mereka meneruskan aktiviti tersebut serta adakah Kementerian memantau mereka untuk meneruskan aktiviti jahitan ini untuk menambahkan pendapatan mereka.

11. PN-1133-L1580
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan dan program Kerajaan untuk mengelakkan pelajar-pelajar kita di luar negara daripada dipengaruhi oleh unsur-unsur politik yang negatif.
12. PN-1133-L1661
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah jumlah usahawan wanita bumiputera yang berjaya dilahirkan oleh MARA dan adakah terdapat di antara mereka yang sedang diasuh untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.
13. PN-1133-L1530
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah taraf keberkesanan dan kejayaan sistem perundangan, peraturan-peraturan, usaha pemantauan dan penguatkuasaan mengenai keberterusan halal-haramnya mana-mana produk-produk makanan dan lain-lain yang dikeluarkan sijil halal oleh Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memperhebatkan / to enhance keberkesanan dan kejayaan yang ada.
14. PN-1133-L1855
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-
 - (a) berapakah denda yang dikenakan terhadap pemilik dan pengusaha VCD haram dan lucah di Taman Maju, Bukit Mertajam dan kenapakah pemilik premis dan pengusaha tersebut terus mengulangi kesalahan walaupun ianya pernah diserbu sebanyak 100 kali seperti yang dilaporkan oleh akhbar Utusan Malaysia pada 4 September 2006; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk mendakwa pengusaha tersebut di bawah panel kod kerana turut mempamerkan gambar lucah dan menayangkan VCD lucah secara terbuka untuk tontonan awam.
15. PN-1133-L1410
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan guru pelatih mengikut kaum yang diambil dari tahun 2000 hingga sekarang di maktab-maktab perguruan tempatan.

16. PN-1133-L1385
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah dimantapkan supaya khidmat mereka menjadi lebih berkesan dan bermakna.
17. PN-1133-L1687
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha untuk menggalak dan meluaskan pasaran ubatan dan barangan kosmetik herba di peringkat negara dan antarabangsa.
18. PN-1133-L1979
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menghidupkan semula perkhidmatan Feri Malaysia bagi menampung keperluan pengangkutan dan perjalanan di antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia memandangkan pengangkutan melalui udara terlalu mahal dan amat berkurangan.
19. PN-1133-L1360
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk mempertingkatkan tenaga kerja wanita di mana menurut statistik, Malaysia berada di bawah Thailand dan apakah pelan Kementerian untuk mengatasi masalah ini di mana kajian menunjukkan ianya berpunca daripada kelemahan prasarana sokongan yang menyebabkan pekerja wanita berhenti bekerja sebaik sahaja melahirkan anak.
20. PN-1133-L1904
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha diplomatik yang telah dan akan dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah pembakaran hutan di Indonesia yang menyebabkan masalah jerebu di negara ini yang berlaku setiap tahun.
21. PN-1133-L1708
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam membentuk identiti keluarga-keluarga di Malaysia yang kian terhakis moral serta adat tata susila orang timur berikutan penayangan rancangan-rancangan luar negara yang ditayangkan di kaca televisyen.
22. PN-1133-L1428
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah anggota Lembaga Penapis Filem dan berapa ramai anggota yang menonton sesuatu filem dalam satu masa untuk ditapis.

23. PN-1133-L1660
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk merangka suatu subjek, ko-kurikulum atau program yang dapat mengintegrasikan Program Belia Benci Dadah di sekolah-sekolah.
24. PN-1133-L1927
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pencapaian industri francais di Malaysia. Sejauh manakah penubuhan kota-kota francais sudah dilaksanakan. Dan bagaimana pula penglibatan usahawan bumiputera dalam industri francais.
25. PN-1133-L1501
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah halangan dan kelemahan yang bakal dihadapi bagi mempertingkatkan bilangan usahawan tani dan petani komersial.
26. PN-1133-L1343
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil di dalam perkumpulan ASEAN bagi langkah menyelesaikan masalah jerebu yang kerap kali berlaku di negara kita yang membahayakan kesihatan rakyat dan mempunyai kesan-kesan jangka panjang yang boleh merugikan ekonomi dan rakyat.
27. PN-1133-L1755
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mekanisme Pelaksanaan Pelaburan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di mana buat masa ini kaedahnya masih samar dalam metodologi pelaksanaannya. Penjelasan ini perlu bagi membolehkan usahawan bumiputera memahami proses dan kaedahnya bagi merebut peluang yang sedia ada.
28. PN-1133-L1556
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah bilangan pelatih bukan bumiputera yang menjalankan latihan di Institut Latihan Perindustrian di seluruh negara.
29. PN-1133-L1394
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perkapalan di Pelabuhan Pulau Pinang baru-baru ini telah diselesaikan dan langkah serta tindakan yang diambil oleh Pelabuhan Pulau Pinang Sdn. Bhd. supaya perkara ini tidak diulangi.

30. PN-1133-L1464
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam penggalakan industri aero-angkasa negara, memandangkan ianya masih belum dilihat mapan dan berdaya saing biarpun sebenarnya ia boleh mempertingkatkan keupayaan teknologi tinggi negara di dalam semua bidang dan sektor ekonomi.
31. PN-1133-L1587
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan dalam menambahkan jumlah Kolej Komuniti di negara kita memandangkan Kolej Komuniti berpotensi dijadikan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat yang berteraskan pelajaran teknikal dan kemahiran, yang pada jangka masa panjang akan menjadi pelengkap kepada institusi pendidikan tinggi yang lain.
32. PN-1133-L1802
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan kemanakah perginya sejumlah 3,000 pelancong asing yang memasuki ke negara ini dengan menggunakan pas lawatan tetapi hilang tanpa dikesan dan negara manakah penyumbang terbesar kepada permasalahan ini.
33. PN-1133-L1871
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca sebenar kegagalan OPS SIKAP baru-baru ini dan berapakah bilangan kemalangan mengikut jenis kenderaan. Daripada jumlah tersebut berapa pula yang menyebabkan kematian.
34. PN-1133-L1828
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah kes penderaan kanak-kanak mengikut kumpulan etnik dan jantina. Ini kerana penderaan terhadap kanak-kanak secara fizikal merupakan sesuatu yang kejam.
35. PN-1133-L1602
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah hasrat Kerajaan untuk mengubahsuai akta untuk membenarkan kakitangan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ditukarkan ke PBT lain supaya dapat menyelaraskan prestasi kakitangan PBT di seluruh Malaysia.

36. PN-1133-L1973
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar yang telah dan akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9).
37. PN-1133-L1737
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk membina tempat letak kereta bertingkat di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) memandangkan keadaan masa kini amat sesak dan mereka meletakkan kereta berlapis-lapis sehingga menyukarkan aliran lalu lintas. Kenapakah kita tidak ikut cara Kerajaan Singapura yang menyediakan prasarana lengkap di setiap kawasan perumahan rakyat.
38. PN-1133-L1640
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk melindungi kepentingan peniaga-peniaga tempatan seperti pengusaha pasar mini dan kedai runcit akibat daripada pembukaan 'hypermarket' pelabur asing seperti 'Giant, Tesco dan Carrefour'.
39. PN-1133-L1829
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha untuk membetulkan budaya mendapatkan wang dengan cepat melalui hubungan politik dan kurang menumpukan dalam pembinaan daya saing dan daya tahan, apakah impak budaya ini kepada generasi dan yang akan datang.
40. PN-1133-L1375
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) kriteria pelantikan Pengerusi JKKK, sama ada pegawai-pegawai kerajaan dibenarkan dilantik sebagai Pengerusi JKKK; dan
 - (b) prosedur untuk menubuhkan sebuah JKKK. Ini kerana didapati penubuhan sebuah JKKK di antara negeri adalah tidak sama.
41. PN-1133-L1831
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah sasaran, pemantauan, laporan dan langkah-langkah yang dilaksanakan atau dirancang untuk mengurangkan peratusan masalah pelajar yang lemah dalam pelajaran akademik dan keberkesanan langkah-langkah tersebut.

42. PN-1133-L1365
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah teras yang akan digunakan oleh Kementerian di dalam memastikan agenda pembangunan luar bandar di dalam RMK-9 akan terlaksana dengan peruntukan yang telah disediakan memandangkan kos pembangunan yang semakin meningkat mungkin menyebabkan dana sedia ada tidak mencukupi.
43. PN-1133-L1678
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bilangan kilang biodiesel yang telah diluluskan lesen di negeri Sarawak dan berapakah yang dijangka akan beroperasi pada tahun 2006 dan 2007.
44. PN-1133-L1747
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan dirancang untuk menggalakkan kemasukan murid-murid bukan Melayu ke sekolah kebangsaan bagi memperkasa pembentukan bangsa Malaysia.
45. PN-1133-L1937
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi penyalahgunaan visa sejourus tiba (VOA) oleh rakyat asing. Daripada 3000 yang ingkar itu, berapa ramai yang sudah berjaya dikesan dan berapa ramai pula yang didapati menggunakan kemudahan VOA itu untuk tujuan mencari kerja.
46. PN-1133-L1456
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan tempat yang lebih selesa dengan kemudahan yang lengkap kepada kumpulan sasaran seperti anak-anak yatim, orang kurang upaya dan orang tua memandangkan terdapat pertambahan yang ketara dalam kumpulan sasaran ini dan supaya tidak wujud perasaan seolah-olah kebajikan mereka tidak diberi perhatian sepenuhnya oleh Kerajaan.
47. PN-1133-L1720
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan selain daripada kursus-kursus keusahawanan, apakah idea-idea baru Kementerian untuk merencanakan pembangunan usahawan bumiputera yang agak layu.

48. PN-1133-L1613
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang menyediakan satu platform perniagaan produk dan perkhidmatan secara atas talian (online) khusus kepada golongan-golongan yang tidak berkerjaya seperti suri-suri rumah sepenuh masa dan juga warga-warga emas di mana selain dapat menambahkan pendapatan sampingan, mereka juga akan dapat memanfaatkan segala kemudahan-kemudahan teknologi masa kini yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.
49. PN-1133-L1515
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tahap kejayaan rombongan Kementerian yang dihantar membuat promosi di negara-negara luar untuk merekrut pelajar-pelajar asing bagi melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia.
50. PN-1133-L1615
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan satu aktiviti atau program-program secara bersepadu yang boleh dilaksanakan oleh golongan-golongan kurang upaya dan warga-warga emas untuk menambah pendapatan mereka dan berterusan. Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan awam khusus untuk golongan tersebut haruslah dipertingkatkan di setiap tempat, sama seperti kemudahan-kemudahan awam yang lain. Begitu juga aktiviti-aktiviti atau program-program yang hendak dirancang, haruslah mengambil kira aspek-aspek keperluan dan kepentingan golongan-golongan tersebut.
51. PN-1133-L1983
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan kategori kes jenayah yang telah berlaku antara tahun 2000 hingga Jun 2006 mengikut negeri dan nyatakan apakah punca-punca utama meningkatnya kes jenayah tersebut dan adakah beban tugas yang sedia ada tidak seimbang dengan jumlah anggota PDRM yang sedia ada. Apakah strategi yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.
52. PN-1133-L1622
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah rasionalnya mendesak supaya sesetengah tempat hiburan di ibu kota dilanjutkan masa operasi mereka pada waktu malam.
53. PN-1133-L1878
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Akta Majlis Peguam Syarie bagi membolehkan Majlis Peguam Syariah ditubuhkan serta memantau peguam syarie di seluruh negara.

54. PN-1133-L1963
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa ramaikah anggota yang Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) atau lari daripada tugas dan berapa ramai yang telah menyerah diri ataupun ditangkap semula serta apakah tindakan yang diambil untuk menangkap mereka semula.
55. PN-1133-L1887
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kejayaan konsep bekerja dari rumah setakat ini dan apakah bentuk insentif dan galakan yang diberikan oleh Kementerian.
56. PN-1133-L1991
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan pada hari ini pihak media sering kali menyiarkan berita mengenai kes-kes ragut yang berlaku di negara ini. Ini bukan satu perkara yang baru. Ia telah banyak melibatkan kehilangan nyawa. Apakah tindakan drastik yang telah diambil oleh pihak Kerajaan di dalam menangani perkara ini.
57. PN-1133-L2002
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah spesifik yang akan diambil untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar supaya pembelajaran Matematik dan Sains lebih mudah diikuti kerana penguasaan bahasa termasuk bahasa Inggeris tidak dapat ditingkatkan hanya melalui fahaman formula dan terminologi sahaja.
58. PN-1133-L1953
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian menyediakan skim latihan dan kaunseling khusus kepada kumpulan-kumpulan Mat Rempit dalam usaha membanteras kegiatan mereka yang semakin mengganas terhadap pengguna jalan raya dan mengawal dari terlibat dalam gejala sosial dan salah guna dadah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|-----|---------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R.24/2006) | Rang Undang-undang Taman Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 2. | (D.R.34/2006) | Rang Undang-undang Kewangan 2006; | “ |
| 3. | (D.R.40/2006) | Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No. 2) 2006; | “ |
| 4. | (D.R.42/2006) | Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2006; | “ |
| 5. | (D.R.41/2006) | Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2006; | “ |
| 6. | (D.R.43/2006) | Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2006; | “ |
| 7. | (D.R.47/2006) | Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2006; | “ |
| 8. | (D.R.46/2006) | Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2006; | “ |
| 9. | (D.R.45/2006) | Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2006; | “ |
| 10. | (D.R.48/2006) | Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2006; | “ |
| 11. | (D.R.50/2006) | Rang Undang-undang Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2006; | “ |
| 12. | (D.R.49/2006) | Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2006; | “ |
| 13. | (D.R.51/2006) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006; dan | “ |
| 14. | (D.R.35/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Persaraan 2006. | “ |

15. PN-1133-U1419

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Berdasarkan kepada prinsip rukun negara, maka saya dengan ini ingin mengusulkan supaya setiap kali dewan bersidang sebaik sahaja selesai doa dibacakan, lagu Negaraku dimainkan dan dinyanyikan bersama-sama kerana ianya sesuai dengan slogan kepimpinan melalui teladan. Usul ini juga (dengan izin) Yang Dipertua Dewan Negara dapat dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

16. PN-1133-U1942

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari masalah kenaikan harga barang seperti minyak, gula, ayam, telur dan lain-lain telah menjadi isu yang menimbulkan keresahan di kalangan pengguna khususnya rakyat berpendapatan rendah. Masalah terus berlaku khususnya di musim-musim perayaan, ditambah dengan sikap para peniaga yang tidak bertanggungjawab kerana mengambil kesempatan terhadap kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Maka dengan ini Dewan ini mengambil ketetapan mendesak Kerajaan supaya diwujudkan segera 'Tribunal Harga' yang berfungsi untuk mengawal, menyelia dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan kenaikan harga barangan. Ini bertujuan kepentingan pengguna terpelihara dan gejala ini tidak berulang saban tahun."

17. PN-1133-U1943

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari wujud persepsi negatif terhadap imej polis yang dikaitkan dengan beberapa insiden seperti salah guna kuasa dan penglibatan segelintir anggotanya dalam beberapa kes jenayah. Walau bagaimanapun tidak ada pihak yang boleh menafikan kejayaan dan kecekapan PDRM dalam membanteras jenayah apatah lagi mengawal keselamatan negara, seperti menghapuskan ancaman PKM dan kumpulan ajaran sesat. Maka Dewan ini menyokong pendirian PDRM yang menolak penubuhan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). Ini kerana akta-akta yang sedia ada seperti akta polis dan sebagainya sudah memadai digunakan untuk meningkatkan disiplin dan imej polis."

18. PN-1133-U1944

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mewujudkan satu Suruhanjaya untuk mengkaji keberkesanan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Kajian Suruhanjaya Khas ini hendaklah tertumpu kepada aspek apakah penguasaan Bahasa Inggeris para pelajar meningkat dengan sistem tersebut. Dan apakah kesannya pula kepada prestasi para pelajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Dengan adanya Suruhanjaya ini, maka kita tidak perlu menunggu tahun 2008 untuk melihat keberkesanannya. Kerana dikhuatiri jika terlalu lambat mengambil tindakan, maka kesannya adalah lebih parah lagi."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.211	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	20 Disember 2006
ST.213	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	20 Disember 2006